

**Bahasa Melayu
untuk Penutur
Asing**

Bahasa Melayu untuk Penutur Asing

**Isu dalam Pengajaran
dan Pembelajaran**

**Editor
NURAIHAN MAT DAUD**

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2018

KK 499-320-0502011-49-1422-40101

Cetakan Pertama 2018
© Kumpulan Penulis 2018

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Bahasa Melayu untuk Penutur Asing: Isu dalam Pengajaran dan Pembelajaran /
Editor Nuraihan Mat Daud

Mengandungi indeks

ISBN 978-983-49-1422-6

1. Malay language--Study and teaching. 2. Malay language--Usage.
3. Speech--Study and teaching. 4. Linguistics teachers --Study and teaching.

I. Nuraihan Mat Daud.

499.2309

Dicetak oleh
Mashi Publication Sdn. Bhd.
No. 68, Jalan Mas Jaya 1
Kawasan Perindustrian Mas Jaya
43200 Batu 9 Cheras
Selangor Darul Ehsan

Kandungan

<i>Senarai Penulis</i>	ix
<i>Prakata</i>	xi
<i>Pendahuluan</i>	xiii
.....	
BAB 1 KELAS PENGAJARAN BAHASA MELAYU UNTUK PENUTUR ASING <i>Mardian Shah Omar</i>	1
.....	
BAB 2 KRITERIA TENAGA PENGAJAR BAHASA MELAYU UNTUK PENUTUR ASING <i>Zarina Othman</i>	22
.....	
BAB 3 PENGURUSAN SIKAP PELAJAR BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ASING <i>Norizah Ardi</i>	41

KANDUNGAN

BAB 4	KECERDASAN EMOSI DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU <i>Yusfarina Mohd Yussof</i> <i>Mardian Shah Omar</i>	55
BAB 5	KRITERIA BUDAYA MELAYU DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ASING <i>Juwati Abdullah</i> <i>Nasrol Hadi Ahmad Shukeri</i> <i>Che Hasniah Ya'acob</i>	69
BAB 6	GAYA PEMBELAJARAN PELAJAR ASING <i>Nurul Jamilah Rosly</i>	88
BAB 7	STRATEGI KESANTUNAN BERBAHASA UNTUK PENUTUR ASING <i>Arina Johari</i> <i>Nurul Jamilah Rosly</i> <i>Sara Beden</i> <i>Norlela Abdollah</i>	106
BAB 8	GANGGUAN PEMEROLEHAN FONOLOGI BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR ARAB <i>Faredah Mahadi</i>	118
BAB 9	PENGAJARAN BAHASA MELAYU PELANCONGAN UNTUK PELAJAR ASING <i>Zahriman Kamarol Zaman</i> <i>M Mascitah Mansor</i>	124

KANDUNGAN

55	BAB 10 PENGGUNAAN TEKNOLOGI DALAM PENGAJARAN BAHASA <i>Nuraihan Mat Daud</i>	140
<hr/>		
	<i>Indeks</i>	155

69

88

06

8

4

Senarai Penulis

Profesor Dr. Nuraihan Mat Daud (Editor)
Kulliyah Bahasa dan Pengurusan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Profesor Madya Zarina Othman
Pusat CITRA Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia

Dr. Mardian Shah Omar
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya

Dr. Norizah Ardi
Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA

Dr. Yusfarina Mohd Yussof
Institut Pendidikan Guru Malaysia

SENARAI PENULIS

Juwati Abdullah
Nasrol Hadi Ahmad Shukeri
Che Hasniah Ya'acob
Universiti Utara Malaysia

Nurul Jamilah Rosly
Arina Johari
Faredah Mahadi
Zahrinan Kamarol Zaman
M Mascitah Mansor
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Sara Beden
Universiti Malaya

Norlela Abdollah
Kementerian Pendidikan Malaysia

Prakata

Pelbagai langkah telah diambil bagi memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa. Oleh itu, penerbitan buku *Bahasa Melayu untuk Penutur Asing: Isu dalam Pengajaran dan Pembelajaran* merupakan salah satu inisiatif yang dapat memberikan sumbangan kepada usaha pemartabatan bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajarannya kepada penutur asing.

Pertambahan bilangan pelajar asing di Malaysia juga bermakna bertambahnya keperluan untuk menawarkan kursus bahasa Melayu bagi membolehkan mereka mengadaptasi budaya berbahasa dan sekali gus berkomunikasi dengan masyarakat kampus. Kebolehan berkomunikasi ini penting agar mereka dapat menjalankan urusan harian sama ada urusan rasmi atau sebaliknya dengan pihak institusi pengajian mahupun masyarakat tempatan. Pendedahan tentang tataadab berbahasa sama ada secara formal atau sebaliknya, memberikan pelbagai manfaat kepada pelajar asing semasa sesi pengajian mereka di negara ini. Impaknya, penutur atau pelajar asing dapat meningkatkan ilmu pengetahuan mereka tentang bahasa Melayu sekali gus dapat memartabatkan

PRAKATA

bahasa ini pada peringkat antarabangsa. Sehubungan dengan itu, usaha murni ini dapat mengisi keperluan khususnya bagi institusi yang menawarkan program ini di luar negara.

Walaupun terdapat keperluan bagi guru yang hendak mengambil pengkhususan dalam bahasa Melayu untuk penutur asing, penawaran kursus pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asing amat terhad. Oleh itu, banyak perkara penting yang tidak dapat dibincangkan dengan lebih fokus dan mendalam kerana kurangnya medan dan sumber yang khusus bagi tujuan tersebut. Buku ini dapat dijadikan pencetus usaha murni ini selain menyumbang ke arah perbincangan yang lebih mendalam dalam pelbagai aspek, khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Isu yang berkaitan dengan pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing menjadi fokus dalam penulisan buku ini dengan mengemukakan kriteria pembentukan kelas, tenaga pengajar dan aspek budaya Melayu yang diterap dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Buku ini juga menyentuh aspek pengurusan sikap pelajar bahasa asing, cabaran dan pengalaman dalam pengajaran bahasa asing, selain penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa asing.

Ringkasnya, buku ini boleh dijadikan sumber atau bahan rujukan bagi tenaga pengajar bahasa asing terutama penyelar program, pensyarah dan guru yang mengajar subjek Bahasa Melayu kepada penutur asing. Selain itu, buku ini dapat dimanfaatkan oleh pelajar sarjana dan doktor falsafah dalam penulisan kajian mereka.

Profesor Dr. Nuraihan Mat Daud
Kulliyah Bahasa dan Pengurusan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

an itu,
stitusi

hendak
enutur
untuk
enting
dalam
tujuan
ni ini
dalam
n dan

epada
engan
r dan
n dan
rusan
dalam
dalam

bahan
elaras
elayu
atkan
ajian

Pendahuluan

Pada bahagian permulaan buku ini tumpuan diberikan kepada aspek yang lebih umum mengenai perkara-perkara yang perlu diketahui dalam penawaran kursus bahasa Melayu untuk penutur asing seperti jam kredit, kriteria tenaga pengajar, pengurusan sikap pelajar dan kepentingan konstruk afektif literasi emosi. Seterusnya, diikuti dengan aspek-aspek yang perlu diberi perhatian di dalam bilik darjah. Aspek tersebut mencakupi penerapan unsur budaya dalam pengajaran kursus bahasa Melayu, gaya pembelajaran pelajar asing, strategi kesantunan berbahasa, gangguan pemerolehan fonologi bahasa Melayu dan isu berkenaan pelajar Nusantara. Keperluan mengajar bahasa Melayu untuk sektor pelancongan turut diberikan penekanan dalam buku ini. Aspek teknologi dalam pengajaran bahasa juga diketengahkan bagi memastikan bahasa ini dapat bersaing pada peringkat global.

Dalam Bab 1, Mardian Shah Omar mengetengahkan bahawa bahasa Melayu telah mendapat tempat di dalam dan di luar negara. Beliau memberikan beberapa senario kelas bahasa

PENDAHULUAN

Melayu dan perkara yang perlu diberi perhatian dalam penawaran kursus bahasa asing. Perkara ini termasuk konteks di mana bahasa tersebut diajar, status subjek dan jam kredit yang ditawarkan dan tahap kebolehan berbahasa pelajar. Mardian juga menyentuh tentang pentingnya strategi dan teknik yang sesuai bagi menarik minat pelajar.

Peranan yang dimainkan oleh tenaga pengajar adalah penting dalam menentukan keberkesanan pengajaran sesuatu bahasa. Kriteria tenaga pengajar dibincangkan oleh Zarina Osman dalam Bab 2 buku ini. Beliau membentangkan kriteria tenaga pengajar yang ideal dalam pembelajaran bahasa dan bagaimana kriteria ini menyumbang kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa. Zarina menekankan kepentingan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang efektif, bahan pengajaran, teknik dan pendekatan yang digunakan oleh tenaga pengajar selain membincangkan personaliti atau ciri-ciri seorang tenaga pengajar itu sendiri.

Selain aspek personaliti pensyarah, pengurusan sikap pelajar semasa di dalam kelas perlu diberi perhatian oleh guru bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas bahasa Melayu sebagai bahasa asing berjalan dengan lancar. Dalam Bab 3, Norizah Ardi menyarankan keperluan menguruskan sikap pelajar di dalam kelas dengan baik supaya pengajar dapat mengajar dengan lancar dan pelajar dapat menguasai ilmu dengan berkesan. Norizah membincangkan teknik dan kaedah yang wajar digunakan oleh pensyarah bagi menguruskan sikap pelajar. Untuk berjaya dalam pembelajaran bahasa, pelajar dan guru perlu bersikap positif di dalam kelas. Beliau mengupas satu persatu teknik dan kaedah yang perlu dilaksanakan oleh pensyarah atau pengajar dalam mengurus sikap pelajar di dalam kelas.

Bab 4 menekankan kepentingan menyerapkan kemahiran kecerdasan emosi/literasi emosi ke dalam kurikulum Bahasa Melayu. Perbincangan dalam bab ini menjurus kepada konstruk afektif, iaitu motivasi, sikap, persepsi, nilai dan Kecerdasan Emosi

PENDAHULUAN

yang secara signifikannya dapat mempengaruhi keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Penulis mengutarakan aspek Kecerdasan Emosi yang perlu diberi fokus dalam kurikulum. Keputusan kajian yang menggunakan Ujian Penilaian Literasi Emosi (UPLE) juga dikongsi dalam bab ini. Hasil kajian mendapati pelajar mempunyai tahap pengetahuan dan kesedaran yang paling rendah terhadap konstruk Ekspresi Emosi. Hal ini turut mendatangkan implikasi kepada pedagogi, iaitu praktis pengajaran dan pembelajaran perlu memberikan penekanan kepada aktiviti yang dapat mendorong dan membimbing pelajar mengekspresikan emosi sendiri dengan cara dan tingkah laku positif yang dibenarkan.

Juwati Abdullah, Nasrol Hadi Ahmad Shukeri dan Che Hasniah Ya'acob pula menumpukan perbincangan mereka terhadap penerapan unsur budaya ke dalam pengajaran kursus bahasa Melayu dalam Bab 5. Perbincangan ini memberikan fokus tentang kepentingan kursus ini untuk menarik minat pelajar asing mempelajari bahasa Melayu dalam kehidupan seharian (ikhtiar hidup) dan untuk menyelami budaya Melayu secara khusus, di samping mengukuhkan kemahiran berbahasa.

Selain penerapan unsur budaya, seorang guru perlu mengetahui gaya pembelajaran pelajar agar pelajar tersebut dapat belajar dengan baik dan berkesan. Oleh itu, dalam Bab 6, Nurul Jamilah membincangkan lima kategori gaya pembelajaran, iaitu persekitaran, emosional, sosiologikal, fizikal dan psikologikal. Dalam kajian yang dilakukannya, beliau mendapati bahawa kategori emosional adalah gaya pembelajaran paling dominan diikuti dengan gaya pembelajaran psikologikal, kategori fizikal, kategori persekitaran dan kelima ialah kategori sosiologikal. Dapatan ini menunjukkan bahawa kepelbagaian gaya pembelajaran dan kemahiran belajar digunakan oleh pelajar asing dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Bab 7 pula membincangkan strategi kesantunan berbahasa yang perlu diterapkan dalam kalangan pelajar asing. Dalam

PENDAHULUAN

bab ini, Arina Johari, Nurul Jamilah Rosly, Sara Beden dan Norlela Abdollah mengenal pasti strategi kesantunan berbahasa yang boleh diaplikasikan oleh tenaga pengajar, khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar asing. Antara strategi kesantunan yang diberi penekanan termasuklah strategi penggunaan kata ganti nama di dalam kelas, strategi memberikan pujian kepada pelajar, strategi permohonan maaf dalam kalangan pelajar asing dan strategi bukan verbal di dalam kelas. Pengaplikasian strategi ini merupakan langkah yang perlu dilaksanakan di dalam kelas supaya pelajar asing boleh mempamerkan kesantunan berbahasa bukan sahaja di dalam kelas malah di luar kelas.

Faredah Mahadi, dalam Bab 8 menyarankan kepentingan aspek fonologi dalam pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Hal ini demikian, kerana kesilapan menyebut dan membunyikan sesuatu abjad boleh mengubah maksud sesuatu perkataan sehingga menghalang komunikasi antara penutur dengan pendengar. Oleh itu, kesedaran tentang masalah sebutan yang dihadapi oleh pelajar asing dapat membantu tenaga pengajar mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pelajar mereka.

Hakikat bahawa pelancongan merupakan satu sektor yang utama di Malaysia, dan terdapat banyak tempat menarik yang boleh dilawati oleh pengunjung asing, maka pengajaran Bahasa Melayu Pelancongan menjadi suatu keperluan di Malaysia. Dengan cara ini pelajar dapat belajar bahasa Melayu dan secara tidak langsung tempat tarikan pelancong dapat diperkenalkan kepada mereka. Oleh itu, dalam Bab 9 pula, Zahrinan Kamarol Zaman dan M Mascitah Mansor berkongsi kandungan kursus bagi mereka yang berminat menawarkan kursus seperti ini.

Bab akhir iaitu dalam Bab 10, Nuraihan Mat Daud membincangkan bagaimana penggunaan teknologi berupaya meningkatkan perkembangan sesuatu bahasa. Ledakan teknologi informasi telah diguna dan dimanfaatkan secara meluas dalam pelbagai bidang pengajaran bahasa Inggeris. Malangnya, aspek

PENDAHULUAN

ini masih jauh ketinggalan malah kurang dimanfaatkan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Oleh itu, adalah penting untuk mengetahui bentuk kemudahan teknologi yang tersedia dan relevan supaya langkah-langkah untuk memperkasakan bahasa Melayu boleh diambil. Atas pertimbangan tersebut, makalah dalam buku ini membincangkan sebahagian daripada platform yang boleh digunakan dalam usaha memperluas penggunaan bahasa Melayu ke seantero dunia.

Nurairhan Mat Daud